

Pesanan Dr. M kepada jemaah menteri pada mesyuarat Kabinet terakhir

Pastikan kejayaan negara

UM 30/10/2003 - 1 PRECISE

Oleh ROZILAN SALLEH

KUALA LUMPUR 29 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berpesan kepada anggota Kabinet agar terus giat dalam menjalankan tugas masing-masing bagi meneruskan kejayaan negara.

Pesanan terakhir Perdana Menteri yang mahu melihat negara terus mencapai keceperluan itu disampaikan semasa memengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet ke-883, yang terakhir dipengeruskannya sebelum bersara Jumaat ini.

Pada mesyuarat yang berlangsung dalam suasana agak terharu itu, Dr. Mahathir turut melahirkan rasa puas hati dengan prestasi kabinetnya sepanjang memimpin negara.

Dr. Mahathir merakamkan penghargaan atas sokongan padu parti-parti komponen Barisan Nasional kepada kepimpinannya selama ini.

Dalam pada itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan menggantikan Dr. Mahathir, turut menyatakan sanjungan Kabinet terhadap kepimpinan cemerlang Perdana Menteri.

● Kabinet terharu persaraan
Dr. Mahathir — Muka 9

